

**BAHAYAKAH MICROWAVE OVEN...****BAHAYAKAH MICROWAVE OVEN???**

Ketuhar gelombang mikro atau lebih popular dengan nama inggerisnya microwave oven, ialah antara gajet moden yang popular dikalangan para suri rumah dan pengusaha restoran di dunia sebagai jalan pintas menyediakan makanan untuk keluarga dan pelanggan.

**Keperluannya:**

1. Kecekapannya memanaskan makanan
2. Memberi kemudahan kepada para isteri dan para ibu
3. Amat membantu diwaktu berbuka puasa dan bersahur.

**Keburukannya. -**

1. Cara masak melawan fitrah - makanan di atas api atau ketuhar biasa bermula dengan makanan panas di bahagian luar dahulu, kemudian barulah haba masuk ke bahagian dalam. Berlainan dengan penggunaan ketuhar gelombang mikro.
2. Makanan yang dimasak atau dipanaskan akan menjadi **panas di bahagian dalam** dahulu, kemudian barulah haba bergerak ke luar
3. Pelbagai kajian dan penyelidikan dilakukan terhadap kesan memakan makanan gelombang mikro kepada kesihatan manusia. Kesemuanya merumuskan bahawa ketuhar gelombang mikro menghasilkan makanan yang sangat bahaya. - banyak bukti saintifik yang didedahkan oleh saintis akan bahaya penggunaan ketuhar gelombang mikro, para pengeluar tetap mengatakan ia selamat kerana keuntungan yang diperoleh daripada penjualan ketuhar ini berlipat ganda.
4. Makanan jadi toksik Dalam penggunaan ketuhar gelombang mikro, radiasi elektromagnetik menggerakkan molekul-molekul makanan. **Molekul-molekul** ini '**dipaksa**' berpusing sedangkan kalau memanaskan makanan cara biasa, molekul-molekul ini bergerak **dari tepi ke tepi**. Keadaan berpusing ini memusnahkan molekul dan kadang kala menyusunnya semula menjadi bahan-bahan toksik yang menyebabkan alahan kepada manusia. Badan tak kenal makanan.
5. Pemanasan melaluinya merosakkan DNA makanan hingga badan manusia tidak kenal bahawa apa yang ditelan itu ialah makanan. Kerana

tidak mengenali makanan, badan bertindak menyalutinya di dalam sel-sel lemak sebagai perlindungan terhadap 'makanan mati'; atau badang mengumuhkannya dengan pantas.

Sesungguhnya telah ada **penemuan mengejutkan dua orang penyelidik, Blanc dan Hertel** telah mengesahkan bahawa memasak menggunakan ketuhar gelombang mikro, dengan ketaranya mengubah nutrisi makanan. Hertel telah bertahun-tahun menjadi saintis makanan dan berkhidmat di sebuah syarikat makanan Swiss terkemuka.

Dia dibuang kerana mempersoalkan prosedur memproses makanan secara luar tabi'i. Lantas dia bergabung tenaga dan kepakaran dengan Blanc dari Swiss Federal Institute of Biochemistry dan University Institute for Biochemistry.

Kedua-dua saintis ini **mengkaji kesan makanan mikro gelombang terhadap lapan individu dengan mengambil darah mereka sejurus selepas mengambil makanan gelombang mikro.** Blanc dan Hertel mendapati paras haemoglobin individu-individu ini telah menurun. **Hasil kajian ini menunjukkan orang yang makan makanan gelombang mikro cenderung mendapat anaemia (Kekurangan darah).**

Situasi bertambah jelas pada bulan kedua penyelidikan. Itu baru dua bulan diberi makan makanan gelombang mikro, bagaimana kalau kita memakannya berbulan-bulan, bertahun-tahun?

Perhatikan fakta hasil kajian klinikal saintifik Swiss, Jerman dan Rusia di bawah ini:

- Makan makanan yang melalui proses ketuhar gelombang mikro

menyebabkan **kerosakan otak dalam jangka panjang** iaitu ia 'memendekkan' utusan elektrik di dalam otak (depolarizing atau demagnetizing tisu otak).

- Badan manusia tidak mampu meleraikan (metabolize) bahan makanan yang dimasak / dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro.
- Pengeluaran hormon lelaki dan perempuan terhenti dan/atau berubah dengan mengambil makanan gelombang mikro.
- Kesan makanan gelombang mikro sebenarnya **ibarat sisa/sampah di dalam badan manusia.**
- Mineral, vitamin dan khasiat makanan gelombang mikro berkurang atau berubah. Jadi **badan kita dapat sedikit sahaja manfaat makanan.** Badan kita juga menyerap kompaun-kompaun yang berubah itu, dan tidak dapat meleraikannya.
- Mineral-mineral di dalam sayuran berubah menjadi radikal bebas **yang menyebabkan kanser** apabila dimasak / dipanaskan di dalam ketuhar gelombang mikro. Ini antara punca mengapa pengidap kanser meningkat.
- Makanan gelombang mikro menyebabkan **ketumbuhan kanser di dalam perut** dan usus-juga menjadi punca meningkatnya pengidap penyakit ini.
- Makan makanan gelombang mikro berpanjangan menyebabkan sel-sel kanser meningkat di dalam darah manusia.
- Makan makanan gelombang mikro secara berterusan juga menyebabkan **merosotnya sistem imun** melalui kelenjar limpa dan **pengubahan serum darah.**
- Makanan gelombang mikro menyebabkan hilang daya ingatan,

tumpuan, kestabilan emosi dan mengurangkan kecerdikan.

- Fenomenanya **krisis identiti** dan gender kini menular dan semakin menjadi kelaziman. Antara **sebabnya ialah kecelaruan hormon** di dalam badan yang selain disebabkan makan makanan yang berstatus syubhah, juga berkemungkinan besar berpunca daripada makanan yang ditelan melalui proses gelombang mikro.

**Disediakan oleh:**

**Rusnani Omar**

**Penplong Pendaftar**

**Unit Keselamatan & Kesihsatan Pekerjaan**

**Olahan dari:**

\*\*\*

<http://www.mercola.com/article/microwave/hazards2.htm>

\*\*\*

<http://www.cancersalves.com/article/microwave.html>

\*\*\*

<http://www.indigosun.com/august99/microwave.htm>